

**Siti Hasmah tidak disoal siasat - Polis**  
**SINAR HARIAN**  
**28 JANUARI 2018**

KUALA LUMPUR - Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tidak disoal siasat tetapi diambil keterangan secara profesional oleh polis pada Jumaat lepas dengan menghormati kedudukan serta statusnya, berhubung perhimpunan yang dianjurkan tanpa notis pada September 2017.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Wan Ahmad Najmuddin Mohd menarik perhatian bahawa Dr Siti Hasmah sendiri telah membuat kenyataan umum bahawa beliau tidak berhadapan dengan sebarang bentuk intimidasi sepanjang kenyataannya dirakam.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius kenyataan-kenyataan berbaur hasutan yang dikeluarkan pihak-pihak yang cuba menangguk di air keruh," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dr Siti Hasmah sendiri, katanya, bersedia memberikan kerjasama dalam melengkapkan siasatan polis.

Wan Ahmad Najmuddin menegaskan ini merupakan sebahagian daripada proses siasatan polis dan tidak melibatkan sebarang bentuk tekanan daripada mana-mana pihak.

Pada 10 September tahun lepas, sekumpulan aktivis wanita dilaporkan menganjurkan perhimpunan dikenali sebagai 'Wanita Bantah Politik Toksik' di ibu negara. Dr Siti Hasmah dilaporkan memberi ucapan ringkas pada acara itu. - Bernama

**© 2017 All Rights Reserved •Karangkraf Group Media • © 2017 Hakcipta  
Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/semasa/siti-hasmah-tidak-disoal-siasat-polis-1.790534>